



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (15 MAC 2021)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

##### **A. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Hospital Dan Masih Di Bawah Pengawasan Perubatan (Kes Aktif)**

Hari ini terdapat **211** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj iaitu dari Hospital Sibu (60), PKRC Betong (35), Hospital Miri (34), Hospital Bintulu (28), Hospital Umum Sarawak (27), Hospital Sarikei (17), PKRC di bawah Hospital Kapit (5), PKRC Mukah (3) dan PKRC Sri Aman (2). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih atau dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **10,197** orang atau **80.28%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes aktif yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di PKRC dan wad hospital mengikut hospital rujukan adalah seramai **2,367** orang dimana:

- 760 kes di Hospital Sibu dan PKRC di Sibu;
- 423 kes di Hospital Miri dan PKRC di Miri;
- 334 kes di Hospital Bintulu dan PKRC di Bintulu;
- 265 kes di Hospital Umum Sarawak dan PKRC di Kuching;

- 207 kes di Hospital Kapit dan PKRC di Kapit;
- 183 kes di Hospital Betong dan PKRC di Betong;
- 136 kes di Hospital Sarikei dan PKRC di Sarikei;
- 18 kes di PKRC Mukah;
- 18 kes di Hospital Sri Aman dan PKRC di Sri Aman;
- 18 kes di PKRC Serian;
- 3 kes di Hospital Limbang dan
- 2 kes di PKRC Lawas

Hari ini, **256 PUI** baru telah dilaporkan dan **dua (2) PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

## **B. Kes Kematian COVID-19 Baharu.**

Hari ini **terdapat satu (1) kes** kematian baharu melibatkan jangkitan COVID-19. Ini menjadikan jumlah kematian akibat jangkitan COVID-19 telah meningkat kepada **91 orang**.

### **I. Kes Kematian Ke-91.**

**Kes kematian ke-91 merupakan kes ke-9,049** melibatkan perempuan warga tempatan (Sarawak) berumur 64 tahun yang telah mendapat rawatan di Hospital Kapit dan didapati bergejala COVID-19 demam dan batuk. Saringan ujian rT-PCR COVID-19 telah didapati positif pada 25 Februari 2021. Kes telah dirujuk ke Hospital Sibul untuk rawatan selanjutnya.

Keadaan kesihatan kes didapati merosot dan disahkan meninggal dunia pada 14 Mac 2021. Kes mempunyai ko-morbid penyakit buah pinggang kronik, darah tinggi dan gout.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak mengucapkan ucapan Takziah kepada ahli keluarga mangsa.

### **C. Kes Baharu COVID-19**

Hari ini terdapat **251 kes baharu COVID-19** dikesan di Sarawak. Daerah-daerah yang melaporkan kes adalah Daerah Sibu (65), Miri (40), Bintulu (36), Betong (23), Kuching (22), Julau (21), Song (14), Kapit (8), Subis (8), Bau (4), Meradong (4), Sarikei (3), Samarahan (2) dan Serian (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan **meningkat kepada 12,702 kes.**

Daripada 251 kes baharu yang dilaporkan, seramai 17 orang telah menunjukkan tanda dan mengalami gejala jangkitan COVID-19 semasa saringan dijalankan.

Dimaklumkan juga, seramai 225 orang kes atau yang dikesan adalah terdiri daripada individu yang telah diberikan arahan perintah kuarantin di pusat kuarantin yang telah disediakan. Mereka ini terdiri daripada 216 orang yang merupakan individu yang telah dikenalpasti sebagai kontak rapat kepada kes positif COVID-19 dan sembilan (9) individu yang baru balik dari kawasan berisiko tinggi (Import B). Secara ringkas kes-kes ini terdiri daripada:

- I. 156 kes** merupakan saringan individu yang mempunyai kontak kepada kes positif COVID-19 (5 orang bersejaja).
- II. 60 kes** merupakan saringan individu dalam kluster aktif sedia ada (4 orang bersejaja).
- III. 19 kes** merupakan lain-lain saringan di fasiliti kesihatan (tiada orang bersejaja).
- IV. 7 kes** merupakan saringan individu bersejaja di fasiliti kesihatan.
- V. 9 kes** melibatkan individu yang datang atau balik dari negeri-negeri lain di dalam Malaysia yang dikategorikan sebagai kes Import B (1 orang bersejaja).

### **Pecahan Kes Baharu Mengikut Daerah (251 Kes).**

#### **I. Daerah Sibul (65 Kes)**

- a) **45 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. 44 kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan dan satu (1) kes dikategorikan sebagai kes import C dari Kapit.
- b) **18 kes** lain-lain saringan COVID-19 yang hadir ke pusat kesihatan di daerah Sibul. 17 kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan dan satu (1) kes dikategorikan sebagai kes import C dari Julau.
- c) **1 kes** saringan COVID-19 melibatkan individu bersejaja di pusat kesihatan di daerah Sibul.

- d) **1 kes** saringan individu balik dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 melibatkan warga tempatan (Sarawak). Kes dikategorikan sebagai kes Import B iaitu mendapat jangkitan dari Kuala Lumpur.

## **II. Daerah Miri (40 Kes)**

- a) **38 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19.
- b) **2 kes** saringan COVID-19 melibatkan individu bergejala di pusat kesihatan di daerah Miri.

## **III. Daerah Bintulu (36 Kes)**

- a) **18 kes** yang melibatkan kluster Jalan Tanjung.
- b) **6 kes** lain-lain saringan COVID-19 yang hadir ke pusat kesihatan di daerah Bintulu. Lima (5) kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan dan satu (1) kes dikategorikan sebagai kes import C dari Miri.
- c) **5 kes** saringan individu balik dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 melibatkan warga tempatan (Sarawak). Kes dikategorikan sebagai kes Import B iaitu mendapat jangkitan dari Johor (2 kes), Selangor (1 kes), Kelantan (1 kes) dan Kuala Lumpur (1 kes).
- d) **4 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19.

- e) **3 kes** saringan COVID-19 melibatkan individu bergejala di pusat kesihatan di daerah Bintulu.

#### **IV. Daerah Betong (23 Kes)**

- a) **20 kes** yang melibatkan kluster Jalan Muhibbah.
- b) **2 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19.
- c) **1 kes** saringan COVID-19 melibatkan individu bergejala di pusat kesihatan di daerah Bintulu. Kes dikategorikan sebagai kes import C dari Sri Aman.

#### **V. Daerah Kuching (22 Kes)**

- a) **15 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19.
- b) **3 kes** lain-lain saringan COVID-19 yang hadir ke pusat kesihatan di daerah Kuching.
- c) **3 kes** saringan individu balik dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 melibatkan warga tempatan (Sarawak). Kes dikategorikan sebagai kes Import B iaitu mendapat jangkitan dari Johor (1 kes), Sabah (1 kes) dan Kuala Lumpur (1 kes).
- d) **1 kes** yang melibatkan kluster Emperoh Jambu. Kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

## **VI. Daerah Julau (21 Kes)**

- a) **21 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19.

## **VII. Daerah Song (14 Kes)**

- a) **13 kes** yang melibatkan kluster Begalak.
- b) **1 kes** saringan petugas kesihatan di fasiliti kesihatan di daerah Song.

## **VIII. Daerah Subis (8 Kes)**

- a) **7 kes** yang melibatkan kluster Sena.
- b) **1 kes** lain-lain saringan COVID-19 yang hadir ke pusat kesihatan di daerah Subis.

## **IX. Daerah Kapit (8 Kes)**

- a) **5 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19.
- b) **3 kes** lain-lain saringan COVID-19 yang hadir ke pusat kesihatan di daerah Kapit.

## **X. Daerah Bau (4 Kes)**

- a) **4 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Tiga (3) kes dikategorikan sebagai kes import C dari Kuching dan satu (1) kes dikategorikan sebagai jangkitan tempatan.

**XI. Daerah Meradong (4 Kes)**

- a) **4 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19.

**XII. Daerah Sarikei (3 Kes)**

- a) **3 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19.

**XIII. Daerah Samarahan (2 Kes)**

- a) **1 kes** yang melibatkan kluster Emperoh Jambu. Kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.
- b) **1 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19.

**XIV. Daerah Serian (1 Kes)**

- a) **1 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Kes dikategorikan sebagai kes import C dari Sibul.

**D. KLUSTER TAMAT (SATU (1) KLUSTER TAMAT)**

Hari ini, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah mengisytiharkan satu kluster tamat iaitu **Kluster Tabong di Daerah Bau** setelah tiada kes baharu dikesan dalam tempoh 28 hari dari tarikh terakhir kes positif COVID-19 dikesan melibatkan kluster ini.



## **E. Kluster Baharu (Satu (1) Kluster Baharu).**

Hari ini, Jabatan Kesihatan Negri Sarawak juga telah mengisytiharkan satu lagi kluster baharu COVID-19 di Daerah Bintulu, Sarawak. Perincian kluster baharu ini adalah seperti berikut:

### **I. Kluster Jalan Tanjung, Bintulu**

**Kluster Jalan Tanjung** merupakan kluster tempat kerja yang telah dikesan di sebuah pasaraya di Jalan Tanjung, Kidurong, Bintulu, Sarawak. Indeks kes kepada kluster ini adalah kes ke-12,173 merupakan seorang perempuan warga tempatan (Sarawak) berumur 27 tahun. Indeks kes ini juga merupakan pekerja di pasaraya tersebut yang dikesan melalui saringan individu bergejala pada 13 Mac 2021 di Klinik Kesihatan Bintulu. Indeks kes berkemungkinan telah mendapat jangkitan dari komuniti semasa berada di sekitar Bandar Bintulu dan kes juga tidak mempunyai kontak rapat kepada kes positif yang telah dikenal pasti sebelum ini.

Hasil aktiviti penyiasatan lanjut dan pengesanan kes secara aktif dalam kalangan semua pekerja di pasaraya tersebut, seramai 18 orang tambahan kes baharu telah dikesan positif COVID-19. Pengesanan kes secara aktif akan diteruskan bagi mengesan semua kontak rapat yang terdiri daripada ahli keluarga dan kontak sosial kepada kes-kes ini. Sejumlah 127 individu telah disaring di mana;

- **19 kes** telah dikesan positif COVID-19 termasuk kes indeks;
- **106 kes** telah didapati negatif dan
- **2 kes** masih menunggu keputusan.

Semua 19 kes ini dirujuk ke Hospital Bintulu bagi tujuan pengasingan dan rawatan lanjut.

#### **F. Kluster Yang Masih Aktif.**

Jumlah kluster yang masih aktif adalah sebanyak 29 kluster. Lima (5) kluster yang mempunyai penambahan kes, manakala 24 kluster tiada penambahan kes.

**I. Kluster Jalan Tanjung, Bintulu** : baru diisytihar hari ini.

**II. Kluster Bergalak, Song** : terdapat penambahan 13 kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 62 kes. Sejumlah 398 individu telah disaring dimana, 335 negatif dan satu (1) masih menunggu keputusan makmal.

**III. Kluster Sena, Miri** : terdapat penambahan 7 kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 79 kes. Sejumlah 200 individu telah disaring dimana, 115 negatif dan 6 masih menunggu keputusan makmal.

**IV. Kluster Jalan Muhibbah, Betong** : terdapat penambahan 20 kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 311 kes. Sejumlah 2,900 individu telah disaring dimana, 2,498 negatif dan 91 masih menunggu keputusan makmal.

- V. Kluster Emperoh Jambu, Kuching** : terdapat penambahan 3 kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 303 kes. Sejumlah 1,550 individu telah disaring dimana, 1,199 negatif dan 48 masih menunggu keputusan makmal.
- VI. Kluster Kiba, Sibü** : tiada penambahan kes.
- VII. Kluster Melor, Pusa** : tiada penambahan kes.
- VIII. Kluster Tunggai, Julau** : tiada penambahan kes.
- IX. Kluster Sungai Bakong, Meradong** : tiada penambahan kes.
- X. Kluster Kampung Sungai Maong, Kuching** : tiada penambahan kes.
- XI. Kluster Gelong, Kapit** : tiada penambahan kes.
- XII. Kluster Jalan Main Bazaar, Sri Aman** : tiada penambahan kes.
- XIII. Kluster Buluh Pasi, Meradong** : tiada penambahan kes.
- XIV. Kluster Jalan Awang, Sibü** : tiada penambahan kes.
- XV. Kluster Buloh, Selangau** : tiada penambahan kes.
- XVI. Kluster Jalan Ho Pin, Samarahan** : tiada penambahan kes.
- XVII. Kluster Jalan Green, Kuching** : tiada penambahan kes.
- XVIII. Kluster Kejatau, Sri Aman** : tiada penambahan kes.
- XIX. Kluster Jan Yong, Kapit** : tiada penambahan kes.
- XX. Kluster Geronggang, Sibü** : tiada penambahan kes.
- XXI. Kluster Mas Merah, Sibü** : tiada penambahan kes.
- XXII. Kluster Univista, Samarahan** : tiada penambahan kes.
- XXIII. Kluster Kidurong Dua, Bintulu** : tiada penambahan kes.
- XXIV. Kluster Nanga Lijan, Julau** : tiada penambahan kes.
- XXV. Kluster Seruas, Beluru** : tiada penambahan kes.

- XXVI. Kluster Sebangkoi, Sri Aman** : tiada penambahan kes.
- XXVII. Kluster Jun Heng, Bintulu** : tiada penambahan kes.
- XXVIII. Kluster Rakut, Miri** : tiada penambahan kes.
- XXIX. Kluster Pasai, Sibü** : tiada penambahan kes.
  - a) Sub-Kluster Tangap (Subis)** : tiada penambahan kes.

### **G. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini, Daerah Song, Serian, Subis, Julau, Betong, Meradong, Kuching, Kapit, Bintulu, Miri dan Sibü kekal berstatus Merah dengan sejumlah **2,571** kes jangkitan tempatan dilaporkan di 11 buah daerah ini dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Daerah Bau, Mukah dan Sarikei juga kekal berstatus Jingga dengan jumlah keseluruhan **93** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Daerah Dalat, Limbang, Selangau, Telang Usan, Tanjung Manis, Sri Aman, Kanowit, Samarahan, Belaga, Lundu, Bukit Mabong, Tatau, Marudi, Pusa, Asajaya, Beluru, Saratok dan Sebauh juga kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan **129** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Manakala 8 daerah lain kekal berstatus Hijau.

## **2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN DAN TANGKAPAN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **102 kompaun** di daerah Kuching (75), Miri (23) dan Padawan (4) kerana telah melanggar SOP.

Manakala 13 tangkapan warganegara asing bertempat di kelab malam di Kuching kerana telah melanggar SOP PKPB. Kesemua mereka adalah pelajar dari Rusia (2), Sri Lanka (2), Zimbabwe (1), Yaman (1), Kazakhstan (1), Belanda (1), Bangladesh (1), Arab Saudi (1) dan Ethiopia (1).

## **3. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

### **A. Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bagi Kampung Bintawa, Kuching**

Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bagi **Kampung Bintawa, Kuching** berkuatkuasa mulai **16 Mac (12.01 pagi) hingga 29 Mac 2021 (11.59 malam)**. Keputusan ini dibuat memandangkan kes positif dari kampung ini kian meningkat.

## **B. Pengoperasian Pusat Transformasi Bandar (UTC)**

JPBN telah memutuskan untuk **membuka pengoperasian Pusat Transformasi Bandar (UTC)** di Kuching, Sibu dan Miri **mulai 17 Mac 2021** mengikut waktu pejabat (jam 8:00 pagi hingga 5:00 petang).

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**  
**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**  
**15 MAC 2021**  
**5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Cumm. Positive Cases	<b>12,451</b>	ACTIVE CASES (Total Cases still in ward and under medical supervision)	<b>2,367</b>	<b>18.63%</b>	
New Cases	<b>251</b>	Cases in Intensive Care Unit (ICU)	<b>11</b>	<b>0.09%</b>	
Total Samples by Individu	<b>518,673</b>	Intubated Cases	<b>16</b>	<b>0.13%</b>	
Cumm. Positive Cases	<b>12,702</b>	Total COVID-19 Death Cases	<b>91</b>	<b>0.72%</b>	
IR per 100,000 population	<b>411.75</b>	Total Non-COVID-19 Death Cases	<b>41</b>	<b>0.32%</b>	
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	Recovered and discharged cases	<b>10,197</b>	<b>80.28%</b>
Negative	<b>3</b>	<b>12,627</b>	Patient Under Investigation (PUI)	New	Cummulative
PUI Pending Result	<b>2</b>	<b>2</b>		<b>256</b>	<b>25,331</b>

Current Status	SGH Kuching	Hospital & PKRC Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Limbang	Hospital Sarikei	Hospital & PKRC Kapit	PKRC Betong	PKRC Mukah	PKRC Serian	PKRC Lawas	Hospital Sri Aman	PKRC Sipitang, Sabah	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
ACTIVE CASES (Total Cases still in ward and under medical supervision)	265	760	334	423	3	136	207	183	18	18	2	18	0	0	2,367
Kes di Intensive Care Unit (ICU)	2	8	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	11
Intubated cases	1	14	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	16
Total COVID-19 Death Cases	20	55	8	6	0	0	2	0	0	0	0	0	0	0	91
Total Non-COVID-19 Death Cases	4	17	5	9	0	0	6	0	0	0	0	0	0	0	41
Recovered and discharged cases	New	27	60	28	34	0	17	5	35	3	0	2	0	0	211
	Cummulative	1,986	4,627	860	1302	7	417	812	143	3	0	1	35	1	10,197
Total re-admission cases (Re-tested Positive)	9	9	3	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	22
TOTAL NOT ADMITTED	3	4	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	8
TOTAL ADMISSION (Individu)	2,273	5,457	1202	1,742	10	554	1030	327	21	18	3	53	1	3	12,694

#### DAERAH MERAH (11)

No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubahan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Song	14	252	14	317	0	248	0	1	0	2	66	65	65
2	Serian	1	261	1	121	3	85	0	0	0	0	36	49	45
3	Subis	0	217	8	251	2	197	0	0	0	0	54	60	56
4	Julau	21	193	21	196	0	132	0	0	0	1	63	75	75
5	Betong	23	570	23	401	38	222	0	1	0	1	177	270	268
6	Meradong	4	320	4	292	12	229	0	2	0	0	61	96	93
7	Kuching	26	10,529	22	1521	13	1,310	0	3	0	12	196	265	229
8	Kapit	8	771	8	671	5	526	0	6	1	2	137	170	170
9	Bintulu	36	1,435	36	1,022	25	714	0	2	0	5	301	376	355
10	Miri	48	2,168	40	1,238	32	856	0	7	0	7	368	369	368
11	Sibu	65	4,887	65	4,664	56	3,868	1	12	0	49	731	895	847
Jumlah		246	21,603	242	10,694	186	8,387	1	34	1	79	2,190	2,690	2,571

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH JINGGA (3)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
1	Bau	4	330	4	113	6	91	0	0	0	0	22	43	39
2	Mukah	0	109	0	26	3	11	0	0	0	0	15	23	23
3	Sarikei	3	168	3	82	5	65	0	0	0	0	17	33	31
<b>Jumlah</b>		<b>7</b>	<b>607</b>	<b>7</b>	<b>221</b>	<b>14</b>	<b>167</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>54</b>	<b>99</b>	<b>93</b>

DAERAH KUNING (18)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Dalat	0	363	0	239	0	229	0	1	0	1	8	9	9
2	Limbang	0	55	0	20	0	15	0	1	0	1	3	3	2
3	Selangau	0	78	0	98	3	95	0	0	0	1	2	18	18
4	Telang Usan	0	3	0	4	0	1	0	0	0	0	3	3	3
5	Tanjung Manis	0	25	0	6	0	1	0	0	0	0	5	5	4
6	Sri Aman	0	172	0	117	1	95	0	0	0	1	21	17	16
7	Kanowit	0	325	0	391	1	372	0	1	0	2	16	10	10
8	Samarahan	3	874	2	281	2	258	0	0	0	5	18	22	16
9	Belaga	0	19	0	11	0	8	0	1	0	0	2	3	1
10	Lundu	0	336	0	69	1	68	0	0	0	0	1	2	2
11	Bukit Mabong	0	37	0	53	0	48	0	0	0	0	5	4	4
12	Tatau	0	25	0	11	0	7	0	0	0	0	4	5	3
13	Marudi	0	15	0	2	0	1	0	0	0	0	1	1	1
14	Pusa	0	25	0	17	0	10	0	0	0	0	7	13	13
15	Asajaya	0	59	0	20	0	12	0	0	0	0	6	9	9
16	Beluru	0	204	0	227	0	225	0	1	0	0	1	1	1
17	Saratok	0	58	0	20	0	15	0	0	0	0	5	3	3
18	Sebauh	0	71	0	81	3	69	0	0	0	0	12	15	14
<b>Jumlah</b>		<b>3</b>	<b>2,744</b>	<b>2</b>	<b>1,667</b>	<b>11</b>	<b>1,529</b>	<b>0</b>	<b>5</b>	<b>0</b>	<b>11</b>	<b>120</b>	<b>143</b>	<b>129</b>

DAERAH HIJAU (8)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Pakan	0	12	0	13	0	12	0	0	0	0	1	0	0
2	Matu	0	120	0	36	0	35	0	1	0	0	0	0	0
3	Lawas	0	42	0	23	0	21	0	0	0	0	2	2	0
4	Daro	0	67	0	6	0	5	0	1	0	0	0	3	0
5	Simunjan	0	76	0	15	0	14	0	0	0	1	0	0	0
6	Lubok Antu	0	47	0	18	0	18	0	0	0	0	0	0	0
7	Tebedu	0	9	0	8	0	8	0	0	0	0	0	0	0
8	Kabong	0	4	0	1	0	1	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>0</b>	<b>377</b>	<b>0</b>	<b>120</b>	<b>0</b>	<b>114</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>3</b>	<b>5</b>	<b>0</b>

<b>Jumlah Besar</b>	<b>256</b>	<b>25,331</b>	<b>251</b>	<b>12,702</b>	<b>211</b>	<b>10,197</b>	<b>1</b>	<b>41</b>	<b>1</b>	<b>91</b>	<b>2,367</b>	<b>2,937</b>	<b>2,793</b>
---------------------	------------	---------------	------------	---------------	------------	---------------	----------	-----------	----------	-----------	--------------	--------------	--------------



## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **558** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **93 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **5,820 orang**. Manakala seramai **75,463 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 15.03.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	<b>Kuching (2,000)</b>	Hock Lee	72
2		Grand Dormani	47
3		Kuching Park	109
4		Pullman	209
5		Hilton	232
6		Harbour View	119
7		Riverside (Astana Wing)	172
8		Grand Margherita	238
9		Imperial Boulevard	223
10		Tune Hotel	44
11		Dormani Hotel	26
12		Grand Continental	139
13		Meritin	38
14		Longhouse	95
15		Abell	35
16		Lot 10	43
17		Telang Usan	51
18		Imperial Riverbank	62
19		Kingwood	46
20	<b>Miri (858)</b>	Mega Hotel	92
21		Somerset	59
22		Imperial Palace	147
23		Imperial New Wing	181
24		Paragon	31
25		Meritz	30
26		Miri	18

27		Dynasty	156
28		Kenyalang Suite	7
29		Citi Hotel	22
30		Nova	49
31		Emart Hotel	66
32	<b>Bintulu (1,796)</b>	Utama Inn	30
33		Fairfield by Marriot	115
34		Kidurong Inn	69
35		Motel Kapok	68
36		Faber Inn	38
37		AA Inn	21
38		Ambassador	66
39		Kemena Inn	15
40		Green	78
41		Kemena Plaza	118
42		4orty Inn	29
43		Lengkap Inn	26
44		Studio Inn	63
45		Moonstar Inn	17
46		Parkcity Garden	30
47		Mega Inn	44
48		Kriss Lodge	40
49		Centre Inn	32
50		Welcome Inn	5
51		Parkcity Garden 2	120
52		Lucky 5 Inn	22
53		900 Inn	24
54		New World Suite	50
55		Golden Bay	4
56		Kemena Resort	182
57		Inn 86	45
58		Sunlight Inn	7
59		Hover Hotel	35
60		Royal Hotel	32
61		Ocean Inn	13

62		Best Lodge	19
63		H5 Inn	52
64		DK Value Inn	49
65		Li Hua	36
66		Grand Faber Inn	33
67		JC Mark Hotel	11
68		186 Inn	23
69		Riverfront	56
70		682 Inn	48
71		Sir Inn	31
72	<b>Limbang (238)</b>	Purnama	98
73		Mandarin (Lawas)	21
74		Shangsan (Lawas)	24
75		Seri Malaysia (Lawas)	95
76	<b>Sibu (350)</b>	Premier	224
77		Kawan	88
78		Sarawak	38
79	<b>Samarahan (201)</b>	INFRA	63
80		Kolej Rafflesia, UNIMAS	92
81		UiTM Samarahan	46
82	<b>Sarikei (136)</b>	Garden Hotel	62
83		Dragon	74
84	<b>Betong (83)</b>	Mega Inn	10
85		Medan Inn	10
86		Victoria Inn	28
87		Asia Inn	8
88		Homestay Betong	3
89		Victoria Inn 2	24
90	<b>Serian (34)</b>	Transit Inn	34
91	<b>Mukah (101)</b>	Kingwood	95
92		UiTM Mukah	6
93	<b>Sri Aman (23)</b>	Good View	23
<b>Jumlah PUS</b>			<b>5,820</b>

### **3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **24 lokasi di Miri (9), Betong (4), Kuching (3), Sibul (3), Sarikei (2), Mukah (1), Kapit (1) dan Limbang (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **3,217 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 15.03.2021 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>3</b>	<b>895</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>9</b>	<b>654</b>
<b>3</b>	<b>Sibu</b>	<b>3</b>	<b>353</b>
<b>4</b>	<b>Sarikei</b>	<b>2</b>	<b>273</b>
5	Samarahan	TIADA	192
<b>6</b>	<b>Kapit</b>	<b>1</b>	<b>178</b>
7	Bintulu	TIADA	171
8	Serian	TIADA	129
<b>9</b>	<b>Limbang</b>	<b>1</b>	<b>107</b>
<b>10</b>	<b>Mukah</b>	<b>1</b>	<b>103</b>
<b>11</b>	<b>Betong</b>	<b>4</b>	<b>89</b>
12	Sri Aman	TIADA	73
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>3,217</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **35 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 15.03.2021 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	3
2	MD Serian	3
3	SMC	10
4	BDA	11
5	MCC	3
6	MD Marudi	5
<b>Jumlah</b>		<b>35</b>

## 5. LOKASI DAN MASA KES POSITIF DILAPORKAN

(Data sehingga 15.03.2021 @ 3.00 petang)

### DAERAH KUCHING

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Bing Energy Mobile Enterprise, Wisma Wan, Tabuan Jaya	Social activity-Customer	28.02.2021	11.00 am - 12.00 pm
NKF Dialysis Center, Jalan Tun Ahmad Zaidi Aduce	Patient	up till 12.03.2021	NR
Pak Amit Café Tabuan	Eatery	07.03.2021	12.00 pm - 1.00 pm
Sushi King Metrocity	Eatery	08.03.2021	3.30 pm - 4.00 pm
One Stall Café, Simpang Tiga	Eatery	08.03.2021	12.45 pm - 1.30 pm
Megalanes Sarawak, Simpang Tiga	Social activity-Customer	08.03.2021	8.30 pm - 9.30 pm
One TJ ICT Complex.	Social activity-Customer	08 & 09.03.2021	11.00 am - 11.30 am
688 Hot Market, Jalan Padungan	Social activity-Customer	09 & 10.03.2021	10.30 am - 11.00 am
Everrise Departmental Store Greenheight	Social activity-Customer	10.03.2021	12.00 pm - 12.30 pm
Plaza Merdeka (Mr DIY, Guardian, Watsons, Smart Bookstore)	Social activity-Customer	10.03.2021	1.00 pm - 2.00 pm
Popular Book Store, Tun Jugah	Social activity-Customer	10.03.2021	2.30 pm - 3.00 pm
Hajerah Kopitiam, Jalan Sultan Tengah	Eatery	12.03.2021	12.00 pm - 12.20 pm

### DAERAH SAMARAHAN

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
SJK Chung Hua Sg Jernang	Learning Centre	10.03.2021	6.30 am - 1.00 pm

## DAERAH SARIKEI

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Happy Garden, Bintangor	Workplace	01 - 09.03.2021	8.00 am - 3.00 pm
Harvest Enterprise, Jln Nenas, Sarikei	Social activity-Customer	27.02.2021	11.24 am - 11.30 am
Hong Leong Bank, Sarikei ( ATM )	Social activity-Customer	27.02.2021	10.38 am - 10.45 am
99 Teleshop, Jalan Masjid Lama, Sarikei	Social activity-Customer	27.02.2021	12.50 pm - 1.20 pm
SS Supersave Sdn Bhd, Sarikei	Social activity-Customer	27.02.2021	11.33 am - 12.00 pm
Mr DIY, Jalan Nenas, Sarikei	Social Activity-Customer	27.02.2021	10.57 am - 11.20 am
		01.03.2021	6.59 pm - 7.30 pm
Guardian, Jln Abdul Rahman, Sarikei	Social activity-Customer	01.03.2021	6.33 pm - 7.00 pm
JW Enterprise, Jln Abdul Rahman, Sarikei	Social activity-Customer	02.03.2021	5.15 pm - 5.45 pm
EH Delight, Jalan Abdul Rahman, Sarikei	Eatery	05.03.2021	5.51 pm - 6.30 pm
CIMB Bank, Sarikei ( ATM )	Social Activity-Customer	08.03.2021	1.57 pm - 2.10 pm
		09.03.2021	12.12 pm - 12.20 pm

## DAERAH SIBU

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Ah Sian Beef Noodle Café	Eatery	02.03.2021	11.46 am - 12.30 pm
KFC Delta Mall	Eatery	02.03.2021	1.37 pm - 2.15 pm
Good Happiness Restaurant Sdn Bhd	Eatery	03.03.2021	10.14 am - 11.10 am
Yummy Kafe	Eatery	04.03.2021	3.00 pm - 3.45 pm
Daesco Sdn Bhd	Social activity-Customer	04.03.2021	3.48 pm - 4.40 pm
Sibu Central Market	Social activity-Customer	04.03.2021	9.09 am - 9.30 am
Wang Hung Kopitiam	Eatery	05.03.2021	11.28 am - 12.15 pm

<b>TK Hardware Household Sdn Bhd</b>	Social activity- Customer	05.03.2021	3.36 pm - 3.50 pm
<b>Wang Da Fu Food Court</b>	Eatery	05.03.2021	9.07 pm - 9.45 pm
<b>Cut Box Hair Saloon</b>	Social activity- Customer	05.03.2021	3.20 pm - 4.30 pm
<b>Sibu Noodles House Sdn Bhd-Nica Plus</b>	Eatery	06.03.2021	3.55 pm - 4.45 pm
<b>Lung Ching Café</b>	Eatery	06.03.2021	7.08 am - 8.00 am
<b>Ding Guo Yuan Hotpot</b>	Eatery	06.03.2021	7.45 pm - 8.30 pm
<b>Aloha Corner Sdn Bhd</b>	Eatery	06.03.2021	11.09 am - 11.50 am
<b>Joy Food Court</b>	Eatery	07.03.2021	10.27 am - 11.10 am
<b>ETA Islamic Café</b>	Eatery	07.03.2021	4.54 pm - 5.40 pm
<b>Everwin Sanyan</b>	Social activity- Customer	07.03.2021	7.05 pm - 7.25 pm
<b>Guardian Wisma Sanyan</b>	Social activity- Customer	07.03.2021	4.46 pm - 5.00 pm
<b>Wang Seng Food Centre</b>	Eatery	08.03.2021	9.33 am - 10.10 am
<b>Rice King Sibu</b>	Eatery	08.03.2021	5.32 pm - 6.15 pm
<b>KFC Wisma Sanyan</b>	Eatery	09.03.2021	2.46 pm - 3.20 pm
<b>11 Café</b>	Eatery	10.03.2021	11.20 am - 12.10 pm
<b>Ah Ching Kopitiam II</b>	Eatery	11.03.2021	9.06 pm - 9.45 pm
<b>Fair Price Teku</b>	Social activity- Customer	11.03.2021	11.59 pm - 12.20 pm

## DAERAH KAPIT

<b>Name of Exposed Location</b>	<b>Category</b>	<b>Date of Exposure</b>	<b>Time Period Affected</b>
<b>Potato Story</b>	Social activity- Customer	22.02.2021	6.00 pm - 7.00 pm
<b>Sweet Café</b>	Social activity- Customer	22.02.2021	7.00 pm - 8.00 pm
<b>Hong Guan Mini Market</b>	Social activity- Customer	23.02.2021	7.00 pm - 8.00 pm
<b>Supersave Kapit</b>	Social activity- Customer	26.02.2021	6.00 pm - 7.00 pm



## DAERAH BINTULU

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Sri Kandi Cafe	Eatery	04.03.2021	12.55 pm - 1.20 pm
Supersave Medan	Social activity-Customer	06.03.2021	5.40 pm - 6.15 pm
Part One Cafe	Eatery	09.03.2021	12.30 pm - 12.45 pm
Padini Concept Store, Times Square	Social activity-Customer	09.03.2021	1.10 pm - 1.30 pm
Marrybrown Parkcity	Eatery	09.03.2021	3.00 pm - 3.30 pm
The Bay Dept Store	Social activity-Customer	09.03.2021	3.45 pm - 4.30 pm
Pasar Tamu Bintulu	Social activity-Customer	11.03.2021	11.00 am - 11.30 am
Seoul Chicken	Eatery	11.03.2021	11.45 am - 12.30 pm
Watson The Spring	Social activity-Customer	12.03.2021	11.00 am - 11.30 am
Food Bazaar The Spring	Eatery	12.03.2021	12.05 pm - 12.35 pm
Robin Nest Smoke House	Social activity-Customer	13.03.2021	7.15 pm - 9.30 pm

## DAERAH MIRI

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Warong Santai Foodcourt, Jalan Datuk Muip	Eatery	03.03.2021	8.30 am - 9.00 am
Restoran Ikhwan, Bandar Baru Permyjaya	Eatery	03.03.2021	12.35 pm - 1.00 pm
Lot 18 Café, Jalan Krokop 5	Eatery	03.03.2021	8.25 am - 8.45 am
Narscafe And Catering, Jalan Bintang Jaya 4	Eatery	04.03.2021	8.45 pm - 9.15 pm
Mee Sapi Kuching, Jalan Rice Mill	Eatery	05.03.2021	10.20 am - 10.45 am
Go Fun Kee Bak Kut Teh, Jalan Boulevard 1a	Eatery	07.03.2021	6.15 pm - 6.45 pm
Noor Kitchen, Lorong Permata 4a/2	Eatery	07.03.2021	8.20 am - 8.45 am

Kenyataan Media JPBN Bil 74/2021

<b>Soon Pheng Café, Jalan Sepupok</b>	Eatery	08.03.2021	5.35 pm - 6.00 pm
<b>Sin Soon Hin Café, Jalan Gua Besar, Niah</b>	Eatery	09.03.2021	7.00 am - 7.30 am
<b>Restoran Asian Nasi Kanda, Jalan Bendahara</b>	Eatery	09.03.2021	1.30 pm - 2.00 pm